

Kata Kunci:
Gajet / Alat digital
Pembangunan
Manfaat
Masa



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

24 Oktober 2025 / 2 Jamadilawal 1447H

Islam dan Interaksi Digital

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا اَنْ هَدَانَا اللّٰهُ، وَاشْهَدُ
اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاشْهَدُ اَنْ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اَوْصِيْ نَفْسِيْ وَاَيُّكُمْ بِتَقْوٰى اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. Marilah laksanakan segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Isilah **masa** kita dengan perkara yang **bermanfaat** serta amal kebaikan. Semoga Allah s.w.t. memberkati setiap detik usia kita dan mereka yang tersayang. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang jemaah, muda dan dewasa,

Tahukah anda bahawa telefon pintar (*smartphone*) kita merekodkan jumlah **masa** penggunaannya setiap hari? Sekarang, cuba kita jawab soalan berikut dengan jujur. Betapa banyak **masa** lapang yang kita habiskan setiap hari untuk **gajet digital**, sama ada telefon pintar, tablet, komputer dan

sebagainya? Sejam? Dua jam? Atau kurang? Bandingkan pula dengan **masa** yang kita luangkan untuk mengingat Allah dan Rasul-Nya, sama ada dengan membaca al-Quran, menelaah panduan Nabawi dan seumpamanya.

Saudaraku, kita sedia maklum bahawa **gajet digital** boleh menjadi sumber kebaikan dan juga keburukan, **kemanfaatan** dan juga kelalaian. Kehidupan kita banyak bergantung kepada **gajet-gajet** ini. Ia merupakan antara ujian terbesar umat akhir zaman.

Maka yang demikian, khutbah pada hari ini sama sekali tidak bertujuan menggesa kita meninggalkan **gajet digital**, kerana Islam adalah agama yang menekankan keseimbangan dan kebijaksanaan. Kita tidak disuruh mengasingkan diri dari realiti kehidupan di dunia, seperti membina kerjaya, berniaga, bersukan, termasuk juga meraih faedah dari **gajet** yang kita miliki. Sebaliknya, kita dituntut supaya menguruskannya dengan cara yang baik, **bermanfaat** serta berpandukan ajaran Allah dan Rasul-Nya s.a.w.

Saudara yang dikasihi Allah,

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah al-'Ankabut ayat 64:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ
لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah permainan dan hiburan semata-mata. Dan sesungguhnya akhirat jauh lebih kehidupan yang sebenar, sekiranya mereka mengetahui.”*

Inilah peringatan jelas dari Allah tentang kehidupan dunia yang bersifat sementara. Ia penuh dengan permainan yang menghibur dan melalaikan, jika tidak diurus dengan baik. Dan pada zaman ini, ia merangkumi hiburan **digital** seperti permainan, media sosial, video dan aktiviti menatal atau *scrolling* tanpa henti. Apabila bosan dengan sesuatu kandungan aplikasi, kita berpindah ke kandungan yang lain. Dan begitulah seterusnya, tanpa menyedari **masa** yang berlalu.

Jemaah yang dikasihi sekalian,

Terdapat tiga langkah yang boleh kita ambil untuk menguruskan penggunaan **gajet digital** dengan lebih baik:

Pertama: Berwaspada dengan penggunaan masa lapang.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Dua nikmat yang kebanyakan manusia **lalai** terhadapnya: kesihatan dan **masa lapang**.”* (Riwayat al-Bukhari)

Kesihatan dan **masa** lapang adalah antara nikmat paling berharga daripada Allah s.w.t. Namun, pada hari ini, ia dicuri sedikit demi sedikit oleh skrin yang kita tatapi. Sikap berwaspada

bermaksud kita lebih sedar tentang **masa** yang dihabiskan di hadapan skrin.

Jauhi dan latih diri untuk berpisah dari kandungan yang tidak sihat atau sia-sia, terutama ketika menghampiri **masa** beribadat seperti sekarang ini, atau ketika belajar, bertugas atau semasa bersama keluarga. Begitu juga halnya ketika melintas jalan raya, memasuki tandas, atau sebelum tidur sampai ke larut malam, sehingga mengorbankan rehat dan kesihatan jangka panjang.

Kedua: Menggunakan teknologi untuk pembangunan diri

Gajet boleh menjadi **alat** yang membantu perkembangan peribadi dan rohani. Terdapat pelbagai aplikasi dan platform **digital** yang boleh meningkatkan ilmu serta memperkukuh hubungan kita dengan Allah, Al-Quran dan sebagainya. Kini, terdapat banyak kandungan Islam yang baik lagi sahih di hujung jari, seperti kelas dalam talian, kuliah agama serta Al-Quran dan hadis **digital**. Semua ini boleh menjadi wasilah untuk meningkatkan kefahaman agama dan mengikat diri kita dengan zikir dan ilmu di mana sahaja kita berada.

Kita juga perlu berhati-hati dan bijak menilai sumber ilmu dalam talian. Walaupun teknologi masa kini termasuk kecerdasan buatan (AI) boleh memudahkan capaian maklumat, ia mempunyai keterbatasan. Ia mungkin tidak memberikan kefahaman mendalam, tiada panduan rohani dan kurang kesedaran terhadap konteks dalam urusan agama.

Oleh itu, kita harus merujuk kepada asatizah yang bertauliah untuk mendapatkan panduan agama yang sahih. Gunakan teknologi sebagai **alat** pembantu dalam perjalanan ilmu, tetapi jangan sekali-kali menjadikannya pengganti peranan dan bimbingan guru agama.

Ketiga: Menjauhi penyalahgunaan nama samaran

Antara bahaya terbesar dunia maya ialah *anonymity* atau ilusi tanpa nama, yakni perasaan seolah-olah kita boleh berkata atau melakukan apa sahaja tanpa dikenali. Ia mendorong sesetengah orang menulis kata-kata kesat, mengumpat, menyebarkan berita palsu dan sebagainya dengan sangkaan bahawa mereka tidak akan dipersoalkan dan terlepas daripada pandangan manusia.

Namun ingatlah, walaupun kita mungkin boleh bersembunyi daripada pandangan manusia, kita tidak sesekali boleh bersembunyi daripada pandangan Tuhan yang menciptakan manusia. Setiap perkataan yang ditulis, setiap komen yang dikirimkan, setiap tindakan yang dilakukan, semuanya dicatat dalam kitab amalan kita.

Islam menitikberatkan sikap tanggungjawab dan kejujuran. Dunia **digital** bukanlah ruang bebas tanpa batas moral dan akhlak. Ia hanyalah satu lagi medan ujian yang mana amal perbuatan kita sedang ditulis dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat.

Saudara-saudara sekalian,

Setiap detik yang berlalu tidak akan kembali. Maka, isilah **masa** lapang kita dengan perkara yang **bermanfaat** dan amal soleh. Semoga **masa** yang kita luangkan dalam setiap urusan menjadi saksi yang membantu dan bukan yang menghukum kita, pada Hari Pembalasan. Allahul Musta'aan. (اللَّهُ الْمُسْتَعَانُ)

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَزِيرِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَرَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ

لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.